

SENI ARTISTIK DALAM PERSEMBAHAN PUISI RAHMAN SHAARI
[THE ART OF ARTISTIC IN RAHMAN SHAARI PERFORMANCE]

Rahayu Akhesah & Mohd Rosli Saludin*
Institut Peradaban Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
*rahayu@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat seni artistik puisi yang sangat sinonim dengan persembahan puisi Rahman Shaari. Kajian menggunakan penyelidikan kualitatif. Pembacaan puisi daripada kumpulan puisi 'Anjung Deklamator. Karya puisi beliau turut banyak menyentuh segenap golongan masyarakat termasuk wanita, remaja, sahabat. Tema cinta, politik, kampung, patriotik, masyarakat, alam perkahwinan dan agama turut digarap bersama. Sebagai pemuisi, beliau gigih dalam memperjuangkan seni persembahan puisi secara artistik bagi memastikan puisi hidup segar di pentas. Kesungguhan beliau dibuktikan dengan lahirnya 'Anjung Deklamator' yang memberi panduan deklamator puisi di pentas. Usaha beliau dalam memartabatkan puisi dengan persembahan artistik menarik minat pengkaji untuk mengkaji tentang beliau. Rahman Shaari amat menaruh keyakinan yang tinggi persembahan puisi artistik yang diusahakan oleh beliau menjadikan dunia perpuisian mendapat tarikan lebih ramai pemuisi yang baharu dan berkaliiber. Dunia kesusasteraan semakin terserlah dengan adanya elemen artistik dalam setiap persembahan puisi kerana tidak dapat dinafikan persembahan puisi secara konvensional kini amat membosankan. Secara kesimpulannya, kajian ini

membuktikan nilai usaha Rahman Shaari yang tinggi dalam dunia puisi dan artistiknya. Usaha Rahman Shaari ini amat baik dan boleh diaplikasikan oleh setiap pemuisi agar dunia puisi lebih segar dan menarik lebih ramai peminat puisi.

Kata Kunci: Artistik, Persembahan, Puisi, Rahman Shaari

ABSTRACT

This study was conducted to analyze art artistic of Rahman Shaari with poetry performances. The methodology of this study is based on qualitative research. The analysis also involved the reading technique collection of poetry from 'Anjung Deklamator' (2005). His work touches several types of community which is women, teenagers, friends, love theme, politics, life in a village, patriotic, marriage life and religious. As a poet, he determined to present his poetry in artistic to ensure that his poetry is lovely on stage. He also provides guidance to the poet in his poetry book entitled 'Anjung Deklamator'. His efforts to upholding the artistic poetry has aroused the interest of researchers to do research on him and analyze his involvement in poetry writing in detail. Literature world is vulnerable with the artistic element in a poetry because it is underable that conventional poetry recitation is uninteresting. As a conclusion, this study is to enhance the value in Rahman Shaari's poetry writing and the usage of artistic element in his poetry writing. Rahman Shaari's effort is good and could be applied by all the poet. This will flourish the world of poetry and will it will also attract many poetry's fan.

Keywords : Artistic, poem, performance, Rahman Shaari

PENGENALAN

Pada 12 Oktober 2007, negara melakar sejarah apabila seorang lagi penyair negara iaitu Rahman Shaari, penyajak terkenal

tanah air yang juga Profesor di Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM) dinobatkan sebagai penerima S.E.A. Write Awards 2007 di Bangkok, Thailand. Beliau menerima anugerah sastera berprestij itu daripada Puteri Thailand, Sirivannavari Nariratana. S.E.A. Write Awards diperkenalkan oleh kerajaan Thailand sebagai menghargai sumbangan para penulis bidang kesusasteraan di Asia Tenggara termasuk Malaysia.

Rahman Shaari yang muncul penerima anugerah tersebut merupakan penyair tanah air yang bukan calang-calang tokoh penyair. Pelbagai kejayaan demi kejayaan yang diperoleh dalam bidang puisi sehingga beliau diiktiraf di peringkat antarabangsa dan menerima Anugerah Penulis S.E.A (S.E.A Write Award) atau Anugerah Penulis Asia Tenggara – Southeast Asian Writers Award. Kegemilangan beliau dalam bidang puisi ini berjaya menghasilkan beberapa buah kumpulan puisi, iaitu 'Kesan Kunjungan' (1982), 'Selamat Pagi Fajar' (1989), 'Melati dan Bahang' (1994) 'Anjung Deklamator' (2005), 'Anjung Persinggahan' (2006), dan terbaharu 'Penunggang Kenyataan'(2015).

Rahman Shaari sering memenangi hadiah yang lain yang merupakan kejayaannya dalam bidang kesusasteraan. Pada tahun 1975, beliau memenangi Peraduan Menulis Sajak UKM. Pada tahun 1976 pula, puisi beliau berjudul 'Hamparan Kuning' dan 'Giliran' memenangi Hadiah Karya Sastera. Pada tahun 1977, beliau memenangi hadiah pertama Sayembara Esei/Kritikan Sastera anjuran DBP. Dalam dekad 1980-an Rahman Shaari juga pernah memenangi Hadiah Sastera Malaysia iaitu pada tahun 1982/1983 dan 1986/1987. Selain puisi, beliau juga berkecimpung sebagai penulis skrip drama dan novel. Kreativiti beliau terserlah dengan menghasilkan beberapa skrip drama iaitu 'Petua Perkahwinan', 'Wisma Wahub' dan 'Harimau'. Cerpen-cerpennya pula terkumpul dalam 'Gangguan', manakala antara novelnya ialah 'Mufarakah',

'Norhana', 'Psiko Babo', 'Tirai Tokoh', 'Takungan Hajat', 'Suluh Peraba' dan 'Burok'.

Hakikatnya, karya Rahman Shaari turut mempunyai gaya artistik yang tersendiri. Penampilan beliau dalam pementasan puisi dengan penuh penghayatan dengan menerapkan unsur artistik benar-benar mempesonakan khalayak. Dia menghafal puisi yang akan dideklamasikan kerana bagi beliau jika tidak sesebuah puisi itu sukar untuk disampaikan maknanya. Berikutan cintanya terhadap seni persembahan artistik puisi ini maka lahirnya buku 'Anjung Deklamator' pada tahun 2005 yang bertujuan untuk membimbing persembahan puisi artistik. Oleh itu, kajian ini memfokuskan untuk mengkaji seni artistik dalam mempersembahkan puisi Rahman Shaari.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji nilai artistik Rahman Shaari dalam seni puisi.
2. Menganalisis bahasa dalam karya sajak Rahman Shaari bagi menemukan keunggulan pengarang.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif. Reka bentuk kajian kualitatif ini berbentuk kepustakaan. Pembacaan puisi artistik daripada kumpulan puisi 'Anjung Deklamator' oleh Rahman Shaari diimplementasikan dalam kajian ini dengan memilih beberapa puisi yang mengandungi tema yang berlainan. Justeru, melalui kajian kepustakaan ini, beberapa sajak dikaji ruang lingkup hasil seni artistik yang diterapkan dalam puisi tersebut.

Teori Stilistik juga sesuai diterapkan dalam menilai puisi Rahman Shaari dari segi aspek bahasa berdasarkan sajak yang terpilih untuk menemukan keunggulan karya pengarang. Beberapa puisi dalam buku kumpulan puisi 'Anjung Deklamator' dipilih dalam kajian ini yang merupakan puisi yang telah

dipentaskan. Teori Stilistik yang diterapkan dilihat lebih signifikan diaplikasikan dalam kajian ini untuk melihat aspek bahasa dalam sajak-sajak yang dihasilkan oleh Rahman Shaari.

PERMASALAHAN

Kajian ini berfokus kepada seni artistik dalam persembahan puisi Rahman Shaari. Usaha dan minat yang mendalam oleh pengarang Rahman shaari terhadap bidang seni artistik puisi sangat mengagumkan. Apatah lagi, beliau merupakan penyair tanah air yang terkenal di negara ini. Beliau tidak pernah berhenti berkarya dan sentiasa aktif dalam bidang seni berpuisi mahupun teater. Beliau merupakan angkatan penyair moden yang telah lama berkecimpung dalam dunia puisi iaitu sejak era 70an dan konsisten dengan persembahan seni artistik dalam mendeklamasikan sajaknya. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi menghargai usaha dan minat beliau dalam menghasilkan sajak-sajak yang berkualiti dan bernilai tinggi sehingga beliau menerima anugerah S.E.A Write Awards pada tahun 2007.

Berbanding dengan penyair lampau, secara umumnya tidak memahami tentang perkataan deklamator. Boleh dikatakan Rahman Shaari merupakan individu yang bertanggungjawab mengetengahkan puisi deklamatori yang bermaksud puisi yang mempunyai elemen teater, iaitu yang amat sesuai dipentaskan. Justeru, buku kumpulan puisi diterbitkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka bertajuk 'Anjung Deklamator' pada tahun 2005. Buku puisi ini memberi petua-petua atau garis panduan deklamasi sajak serta menerangkan tentang aspek seni artistik dalam persembahan puisi. Inilah satu-satunya buku yang memberi petua tentang cara deklamasi sajak secara berseni.

Peranan Rahman Shaari yang mempopularkan seni artistik dalam persembahan puisi ini perlu diketengahkan agar persembahan puisi tidak membosankan dan masih dalam takuk persembahan puisi konvensional.

Menurut Pesu Aftarudin (1990:25) tujuan deklamasi tidak berbeza dengan tujuan sastera. Kedua-duanya saling memerlukan dan melengkapi antara satu sama lain. Seorang penyair menyampaikan buah fikirannya, gejala perasaannya dan luapan emosinya melalui bahasa. Penyair menulis apa yang dirasakan, dilihat dan dihayati.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Menurut Rahman Shaari, sesebuah puisi perlu ada salah satu unsur sama ada jenaka, suspens, emosi yang ketara (marah, sedih dan lain-lain), unsur erotik yang bijaksana, unsur sindiran (parodi), atau permainan bunyi yang berseni. Jika sesebuah sajak mengimplementasikan lebih daripada satu unsur tersebut maka deklamatorinya akan lebih menyerlah (2008:xvi)

Beberapa sajak daripada buku kumpulan puisi Sajak 'Anjung Deklamator' yang dipentaskan dipilih untuk mengkaji artistik Rahman Shaari dalam seni puisi. Sajak bertajuk 'Harimau Luka' merupakan sajak pertama terpilih dalam kajian ini. Berikut adalah sebahagian daripada sajak tersebut.

..... "aauumm,"
 Apakah yang akan kukatakan?
 semua kata bukan jawapan
 lalu kuserahkan tubuhku,
 seluruhku
 harimau kutangkap di hutan
 dara,
 sekian lama kupelihara,
 mendewasa dalam mesra,
 tapi senja itu merah matanya,
 senja itu garang aauummnya
 maka kuhadapi kemungkinan
 kutanggungkan pertanyaan,
 kulewatkan pernyataan.

Bertahun aku pelihara,
 Terima kasih aauummm",
 katanya
 "kaujagaku sebaiknya,
 aauumm
 Tapi kini aku luka, aauumm,
 Akuuu luuukaa"
 'aku harimau
 luka...aauumm,
 Kaki depannya di angkat
 Kutunggu cakaran yang
 mengilu
 Kutunggu tapi,
 Ia tidak mencakar mukaku,

*Aauumm,aauumm,
grgrgrrrrrgr..."
Taringnya didekatkan kemukaku
Dan aku masih menanti,
Penantian yang tidak pasti,*

*la tidak mencakar dadaku,
la tidak mencaput perutku,
la tidak mencakar pehaku,
..... Yang dicakarnya
kalbuku....
Aku luka dikalbu
Aku luka dikalbu...aauumm....*

Sajak ini penuh dengan maksud tersurat dan tersirat yang mengandungi idea dan semangat pengarangnya dalam menyampaikan sesuatu. Rahman Shaari membicarakan tentang 'Harimau Luka' yang ada simboliknya. Karya sajak ini dipentaskan oleh beliau dengan penuh dramatik dan artistik. Dalam mendeklamasi sajak ini, Rahman telah memakai baju yang separuh belang dan memakai sarung tangan yang menunjukkan sebelah tangannya adalah kaki hadapan harimau. Pakaian merupakan salah satu pengajarannya iaitu pakaian untuk persembahan hendaklah di titik beratkan. Walaupun dalam petua deklamasi, kostum tidak diambil kira sebagai teknik namun kejayaannya nanti diambil kira sebagai kejayaan teknikal. Walaupun kadangkala penonton memberi pandangan kritis semasa pementasan sajak, namun seorang pemuisi tetap perlu memikirkan teknik. Menurut Rahman Shaari (2008:49) dalam pementasan sajak 'Harimau Luka' sangat memerlukan daya kreativiti yang melibatkan makna yang berlapis-lapis. Oleh itu, pendeklamasi artistik perlu pandai membuat keputusan dan tidak terlalu memikirkan kritikan. Namun, setiap kritikan hendaklah dihargai kerana setiap kritikan itu ada alternatif yang berguna.

Dalam prinsip teori Stilistik Rahman Shaari turut mengaplikasikan konsep bunyi atau fonologi seperti 'aauumm...' berulang-ulang kali. Sajak ini bersifat visual dan dipersembahkan secara dekon untuk menggambarkan perasaan yang terluka namun 'terluka' bukanlah dari segi fizikal tetapi lukanya itu di

dalam hati sanubari. Penggunaan asonansi 'aauumm' dibuat dengan pelbagai nada dapat menggambarkan perasaan marah, kecewa. Deklamator memakai baju separuh putih dan sebelah lagi berbelang-belang seperti kulit harimau serta meniru suara harimau 'aauumm'...'aauumm'. Dalam Stilistik, perulangan harus dilakukan dengan tujuan untuk memperkuat makna dan menegaskan kepentingannya dan tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Dalam kajian perulangan terutama dalam aspek bunyi bahasa, puisi kerap menggunakannya (Mana Sikana, 1998: 216).

Selain itu, perulangan bentuk epifora juga diterapkan dalam sajak ini. Terdapat rangkap yang mengandungi perulangan dari segi rima iaitu:

*harimau kutangkap di hutan dara,
sekian lama kupelihara,
mendewasa dalam mesra,
tapi senja itu merah matanya,
senja itu garang aauummnya*

Perulangan rima ra, ra, ra, nya, nya. Perulangan rima ini bertujuan untuk mendapatkan keindahan (Mana Sikana: 1998:217). Pendekatan Stilistik menyatakan perulangan dalam sesebuah karya sastera adalah sebagai salah satu cara pengarang berekspresi. Jika digunakan secara sebaik-baiknya dapat menjadi stail kepada penulisnya. Perulangan dari segi bunyi, perkataan, ayat, makna atau unsur-unsur bahasa lainnya sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada keindahan dan kekuatan karya malah satu ciri yang akan membentuk peribadi pengarang (Mana Sikana, 1998:218)

Selain itu, Sajak 'Harimau Luka' ini juga mempunyai unsur epigram yang dapat menimbulkan makna yang ironik dan ilusi serta paradoks yang sinis.

*la tidak mencakar mukaku,
la tidak mencakar dadaku,
la tidak mencakar perutku,
la tidak mencakar pehaku,
..... Yang dicakarnya kalbuku....
Aku luka dikalbu
Aku luka dikalbu...aauumm....*

Rahman Shaari menggambarkan sesuatu yang tersirat dalam sajak ini. Penggunaan personafikasi 'Harimau Luka', apabila kita membaca sajak ini pengarang seolah-olah sinis atau bersifat konfesional dengan menggambarkan seekor harimau yang terluka sedangkan maksudnya membayangkan seseorang yang terluka disebabkan sesuatu perkara. Sajak konfesional bermaksud sajak yang memuatkan pengakuan dan perlakuan atau perbuatan yang bertentangan dengan nilai yang didukung oleh masyarakat. Menurut Mana Sikana di dalamnya ada unsur wit iaitu bahasa sindiran dan jenaka yang estetika (1998: 220)

Penggunaan simbolik kata nama 'Harimau' berulang-ulang kali menjadikan pembaca berfikir apakah simbolik di sebalik perkataan 'Harimau' dan ditambah dengan kata adjektif 'luka' menggambarkan seekor harimau yang terluka.

Dalam aliran Stilistik, apa jua unsur yang dapat membina karya yang baik adalah dianggap sebagai eksperimen. Setiap pengarang tentu ingin mencuba dari sudut-sudut tertentu bagi menimbulkan kematangan dalam berkarya. Sekiranya percubaan itu dilakukan cukup sedar dan berfaedah Stilistik akan mengiktirafkannya sebagai gaya personal. Dalam aliran ini, pengaplikasian bahasa yang dapat memperkaya dan memperkuat karya diterima sebagai stail peribadi penulisnya (Mana Sikana, 2015:162)

Shahnon Ahmad dalam bukunya 'Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan' (1993: 373) menyatakan seorang pengarang perlu mempunyai nilai sensitiviti agar karyanya terpahat di sanubari pembaca. Seorang pengarang perlu

berupaya memperhitungkan kesan-kesan sensitiviti yang ada pada setiap manusia yang sempurna. Bahasa merupakan media pengucapan yang mudah dilentur. Kuasanya untuk menyatakan kesan-kesan sensitiviti yang berbagai-bagai-bagai lapis adalah terhad. Oleh itu pengarang perlu lebih kreatif mengeksploitasikan aspek ini dalam memilih sintaksis, diksi dan ungkapan khusus, bahasa tamsil, metafora dan lain-lain untuk mencapai sensitiviti seberapa intensif yang boleh. Untuk perasaan yang bertujuan meninggalkan kesan sensitiviti yang khusus maka bahasa sastera lebih mampat dalam menyampaikan makna-makna yang tersirat. (Shahnon Ahmad: 385)

Pesu Aftarudin (1990: 17) menyatakan dalam dunia estetik, kajian bahasa merupakan pewujudan seni. Oleh itu, bahasa yang baik perlu digali dari kehidupan yang intens dan baik juga. Barangkali itulah puisi yang sukar dijinakkan namun sentiasa lahir kerana cintanya penyair kepada bahasa.

Dengan demikian, sajak 'Harimau Luka' mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Sajak ini lebih sesuai disampaikan dalam bentuk dekon untuk tampak lebih artistik. Pengarang Rahman Shaari juga begitu bijak menyusun setiap diksi dalam sajak untuk melahirkan sebuah sajak yang mempunyai unsur ambiguiti yang mana pembaca perlu memahami setiap diksi untuk memperoleh makna. Simbolik 'Harimau' digunakan sedangkan bukanlah bermakna 'seekor harimau'/'Harimau' di sini adalah simbolik sahaja. Personafikasi ini dijana dalam karya sajak ini dapat membuktikan Rahman Shaari cenderung dengan sajak-sajak yang bercorak konfesional iaitu melihat perbuatan manusia yang hipokrit dengan menyembunyikan keburukan dan menonjolkan kebaikan.

Seterusnya sajak yang terpilih iaitu 'Hantu Menyambut Merdeka'. Sajak ini dipersembahkan dengan dengan menarik.

*Jika ada hantu
Pada bulan Ogos ini
Mahu dia bersama denganmu*

*Menyambut Hari Merdeka
Terimalah dia
Kau akan beroleh kepastian
Tidak lagi dalam agakan
Aku percaya sungguh
Hantu penuh tidak seburuk hantu separuh
Kerana hantu separuh itu
Menyembunyikan kufur
Di balik tirai luhur
Kita tentu berasa jemu
Mengakrabi orang separuh hantu
Jadi pilihlah hantu sejati
Ajak dia minum kopi
Jika ada hantu
Hantu penuh maksudku
Pada Hari Merdeka ini
Janji dia mahu berbakti
Terimalah dia
Aku percaya sungguh
Banyak sudah negara runtuh
Oleh buatan hantu separuh*

Sajak yang dihasilkan pada 16 Februari 2005. Puisi ini penuh dengan unsur 'sindiran'. Pengarang cuba menyampaikan sesuatu yang mana dapat difahami melalui persembahan dekon. Menurut Rahman Shaari, sajak ini boleh menggunakan kesan bunyi yang melambangkan kehadiran hantu, namun makna sebenarnya bukanlah hantu betul-betul. Di situ ada unsur *simulacrum* yang menyerupai hantu. Jika kesan bunyi kehadiran hantu secara konvensional digunakan maka sudah pasti penonton menyimpulkan bahawa sajak ini memang tentang hantu. Penerapan teknik dan penghayatan dalam elemen artistik yang diterapkan dalam persembahan puisi ini sememangnya menarik dan berbeza daripada persembahan puisi konvensional yang telah lama diamalkan.

Sajak ini juga berunsur naratif. Dalam prinsip kajian Stilistik iaitu penilaian terhadap pembentukan ayat atau struktur sintaksis. Penekanan diberikan terhadap aspek deviasi yang dilakukan untuk menimbulkan gaya yang berkesan. Dalam sajak ini juga pengarang menggunakan ayat yang mengandungi makna yang luar biasa seperti '*Hantu penuh tidak seburuk hantu separuh*'. Pengarang sengaja memilih sintaksis seperti ini dalam sajaknya bagi menonjolkan unsur sinis atau konfesional. Pembaca akan merasakan keunikan atau keganjilan tetapi maknanya sangat mendalam dan penuh tersirat.

Bahasa yang digunakan dalam sajak ini juga mudah difahami secara tersirat namun perlu difahami maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang. Teori Stilistik menyatakan bahawa bahasa merupakan medium sastera. Dalam sajak ini, pengarang menggunakan bahasa yang dapat menyatakan perasaan serta sensitiviti dalam diri pembaca. Dalam Stilistik, ia cenderung kepada unsur-unsur makna yang dapat ditanggap daripada ayat-ayat yang terbina yakni pada keseluruhan karya. Banyak makna yang bersimbolik. Bagi Stilistik setiap orang mempunyai gaya peribadinya tersendiri. Dalam sesebuah sajak, kita perlu memikirkan adakah sajak tersebut benar-benar difahami dan dinikmati oleh pembaca. Oleh itu, Stilistik berusaha mendekatkan jurang perbezaan makna. Apa yang membezakan adalah cara dan stail dalam berkarya. Menurut M. Atar Semi (1993: 82) penulis mendramatisasi bahasa sehingga mencapai faktor keindahan. Bahasa yang didramatisasi ini mewujudkan bahasa yang figuratif. Unsur ini menyebabkan sajak ini mempunyai banyak makna.

Sajak Rahman Shaari ini menyentuh tentang cintakan negara. Dharmawijaya menyatakan bahan pengajaran puisi dapat membina kemuliaan sikap hendaklah diutamakan. Puisi yang melambangkan cintakan Negara iaitu '*Gombakku*' Kemala, '*Kuala Terengganu*' karya A. Wahab Ali, dan '*Pantaiku*' oleh S'*Hantu Menyambut Merdeka*' hamsudin Jaafar (1987:134).

Menurut Rachmat Djoko Pradopo (2000) dalam buku 'Memahami Puisi' oleh A.Halim Ali memetik pandangan Carlyle yang menganggap puisi sebagai hasil pemikiran yang bersifat muzikal. Kata Carlyle lagi, penyair sewaktu menciptakan puisi memikirkan bunyi yang merdu seperti muzik, kata – kata yang disusun begitu rupa hingga yang menonjol adalah rangkaian bunyi yang merdu seperti muzik, iaitu dengan mempergunakan orkestrasi bunyi.

Dengan demikian sajak "Hantu Menyambut Merdeka" juga mempunyai keunikan yang tersendiri. Sajak ini memerlukan penghayatan untuk dimengertikan setiap diksi dalam sajak. Pembaca akan bersetuju bahawa Rahman Shaari sering bermain-main dengan sintaksis untuk mewujudkan elemen penceritaan dalam sajak. Jelas menunjukkan Rahman Shaari begitu menyukai sajak jenis seperti ini iaitu yang bercorak konfesional. Perkataan 'hantu penuh' dan 'hantu separuh' merupakan simbolik untuk menyindir sikap manusia yang hipokrit dan berkemungkinan dalam kalangan ahli politik atau penjenayah 'kolar putih' apabila pengarang menyebut;

*Aku percaya sungguh
Banyak sudah negara runtuh
Oleh buatan hantu separuh*

Namun, hanya pengarang sahaja yang memaklumi siapakah 'hantu separuh' tersebut. Sajak seterusnya yang turut dipersembahkan dipentas ialah 'Milah Anak Maksum'. Sajak ini sangat menarik.

*Aku tiba waktu senja
Kuperlihat seluruh Maksum
Pintu rumah tertutup
tangannya luka-luka
Anak kucing di atas tangga
Pakaiannya tidak terjaga*

*Kumatikan bisung motosikalku
bila kusebut nama suaminya
Tanpa memanggil pintu rumah terbuka
berubahlah suara dan wajah itu
Sepertinya matinya Pak Hamid baru pagi tadi
Maksum seperti biasa
Tangan kanan memegang pintu
Kutanya tangan kenapa luka
Tangan kiri menggaru kepala
dia bertanya kembali:
Aku pun bertanya 'Maksum, Milah ada rumah?'
Benarkah tuhan itu kuat?
Kukatakan padanya Tuhan
"Milah tak ada", jawab Maksum
perkasa dan berkuasa
"Milah ke mana?"
dia bertanya lagi
"dia keluar dengan lakinya"
Aku segera mengerti
"Dengan lakinya?, Bilakah Milah menikah*

*"Menikah belum," Maksum tersenyum
Milah?Tangan kiri tidak di kepala
'Aku ingin melihat Milah berjalan
Maksum menyanyi dan menari
dengan punggung di depan,
"Milah anak Maksum, Ada laki menikah belum"
Yang depan jadi belakang'
Milah anak Maksum, ada laki menikah belum
Milah anak Maksum, ada laki menikah belum*

*'Lukaku ini dipukul Milah
Dia anak yang tidak senang,
melihat aku riang
Menari menyanyi di rumah orang'.*

*Aku mengerti
'Maksum jangan bimbang,' kataku
"Milah Anak derhaka, tempat dalam kawah
Di bawahnya api panas ganas
"Milah akan menjerit panas, memanggil tuhan
Memanggil Maksum 'Tuhan tolong', 'emak tolong'*

*"takkan kutolong, takkan ku tolong,' kata Maksum
'Milah direbus macam jagung'
Tapi, bila aku mahu pulang
Hidupkan enjin motor burukku
Maksum menangis lagi, "Nanti," katanya
"Khabarkan kepada Tuhan, jangan rebus Milah
Dia anak Maksum,"*

Sajak 'Milah Anak Maksum', apabila membaca sajak ini timbul perasaan empati terhadap 'Maksum'. Sajak ini penuh dengan unsur moral yang tinggi. Membicarakan tentang seorang anak yang sanggup meninggalkan ibunya yang telah 'tidak siuman' untuk mengikuti lelaki lain. Namun, jiwa dan kasih sayang seorang ibu, walaupun telah 'tidak siuman', kasihnya terhadap anaknya 'Milah' tidak pernah hilang. Begitu tebal unsur moral dalam sajak ini. Pengarang berusaha mendidik pembaca agar tidak seperti 'Milah' yang berperwatakan 'anak derhaka'. Pengarang menyentuh tentang jasa bakti seorang ibu. Penyair lain yang turut mencipta sajak yang menyentuh tentang ibu dan bapa termasuklah Zaihasra dan Hashim Yaacob (2005: 69).

Sajak ini telah dipersembahkan secara artistik dengan elemen teknik dan penghayatan. Persembahan sajak 'Milah Anak Maksum' sebaik-baiknya secara dekon agar dapat menyampaikan maksud sajak. Sajak ini menyarankan gaya dan penghayatan perlu ditekankan dalam mempersembahkan sajak ini. Rahman Shaari menyarankan deklamator hendaklah menghayati watak 'aku' dan 'Maksum' semasa mendeklamasi

sajak ini. Menurutnya, sajak ini menceritakan 'aku' yang menyukai 'Milah'. Namun 'aku' akan tahu akan sifat dan keadaan 'Maksum' ibu Milah. Oleh itu, deklamator hendaklah memahami watak 'aku' dan mengeluarkan kata-kata yang diucapkan oleh 'aku' dengan gaya yang sesuai. Begitu juga dengan 'Maksum' ibu Milah yang digambarkan 'tidak siuman' namun beliau bukan gila.

Deklamator harus memahami watak ini kerana 'Maksum' yang sangat memarahi 'Milah' dengan memaki hamun anaknya namun dia tetap sayangkan anaknya. Oleh itu, deklamator perlu benar-benar menghayati setiap watak dalam sajak ini. Sajak ini menjadi lebih menarik apabila disampaikan dengan unsur artistik. Jika sajak ini disampaikan secara konvensional, dengan deklamator hanya membaca sajak ini secara tegak berdiri sambil memegang nota sajak maka penyampaian maksud sajak ini pastinya hambar dan tidak dapat menarik perhatian penonton. Pengarang juga tidak dapat menyampaikan nilai moral yang tinggi dalam sajak ini.

Menurut Mohd Rosli Saludin (2005:vi), Rahman Shaari giat menyampaikan ceramah dan bimbingan Persembahan Puisi Artistik (PPA). Beliau berkali-kali tegaskan bahawa mimik muka, perubahan suara, gerak tubuh, dan hal-hal yang berkaitan dengan teater dan drama amat penting difahami oleh deklamator. Ketika berceramah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada awal tahun 2005, Rahman Shaari mengatakan bahawa seseorang yang muncul di pentas dengan wajah buah kelapa akan dianggap gagal jika wajahnya kekal seperti buah kelapa hingga akhir persembahan. Wajah deklamator hendaklah berubah menjadi buah durian, nanas, tembikai dan lain-lain. Begitulah perumpamaannya yang diberi dalam menyampaikan sajak yang mempunyai jiwa.

Sebagaimana sajak 'Harimau Luka', pengarang juga cenderung kepada prinsip kajian Stilistik dalam aspek penggunaan bunyi atau fonologi. Terdapat penggunaan rima yang dapat menimbulkan estetik dan kekuatan dalam sajak iaitu

*Dia anak yang tidak senang,
melihat aku riang
Menari menyanyi di rumah orang'.*

Selain itu, sajak ini mempunyai makna yang jelas. Dalam teori Stilistik aspek makna dan semantik ditekankan terutama dalam pemilihan kata, taburan bunyi, dan penyusunan ayat yang menjurus kepada mendapatkan makna sajak tersebut. Menurut Mana Sikana (2015: 160) makna yang tersirat di hati pengarang adalah untuk memenuhi naluri karyanya. Justeru, pengarang menggunakan pelbagai cara salam aspek kelahiran makna. Kita lihat dalam bait sajak berikut yang memberi kesan di hati pembaca:

*Benarkah tuhan itu kuat?
Kukatakan padanya Tuhan
perkasa dan berkuasa
dia bertanya lagi
Aku segera mengerti
"Kenapa Tuhan tidak memulas kepala Milah?
'Aku ingin melihat Milah berjalan
dengan punggung di depan,*

Pengarang dengan jelas menyampaikan makna bahawa seorang ibu yang sangat kecewa terhadap perlakuan anak kandungnya terhadap dirinya. Sajak ini walau pun disampaikan dalam bentuk tersurat namun pembaca dapat memahami nilai yang ingin disampaikan oleh pengarang secara tersirat. Bait sajak tersebut juga mengandungi unsur-unsur dramatik dengan mengeksploitasi bahasa dari segi penggunaan unsur-unsur dramatiknya. Tambahan pula, bait sajak di atas disambut dengan bait sajak berikut:

*'Lukaku ini dipukul Milah
Dia anak yang tidak senang,
melihat aku riang
Menari menyanyi di rumah orang'.
Aku mengerti
'Maksum jangan bimbang,' kataku
"Milah Anak derhaka, tempat dalam kawah
Di bawahnya api panas ganas
"Milah akan menjerit panas, memanggil tuhan
Memanggil Maksum 'Tuhan tolong', 'emak tolong'
"takkan kutolong, takkan ku tolong,' kata Maksum
'Milah direbus macam jagung'*

Terkesan di hati pembaca dengan elemen dramatik yang diterapkan dalam sajak ini apabila secara lazimnya dalam hukum karma 'buat baik dibalas baik, buat jahat di balas jahat'. Namun sajak ini diakhiri dengan sintaksis yang berbeza yang mana dari sudut agama Islam, setiap perlakuan dan perbuatan perlu mendapat keampunan dari orang yang dianiaya ;

*Maksum menangis lagi, "Nanti," katanya
"Khabarkan kepada Tuhan, jangan rebus Milah
Dia anak Maksum,"*

Walau 'Milah' seorang anak yang derhaka namun naluri seorang ibu seperti 'Maksum' yang telah dianiaya oleh anaknya tetap menyanyangi anaknya dan tidak rela anaknya disiksa kerana menjadi 'anak derhaka'. Menurut pendekatan teori Stilistik, setiap orang mempunyai gaya yang tersendiri. Jadi, seseorang peneliti Stilistik hanya hendak membuktikan sejauh mana kejayaan atau kegagalan seseorang itu dalam segi membina stail peribadinya (Mana Sikana. 2015: 162).

Menurut Rahman Shaari seseorang yang ingin menjadi deklamator perlu mempunyai semangat, rasa cinta, kreativiti, kesanggupan dan bakat. Kelima-lima elemen ini penting untuk

menjayakan deklamasi puisi dipentas. Tanpa kelima-lima elemen tersebut deklamasi puisi hanya menjadi pertunjukan 'murahan'.

Dengan demikian, ketiga-tiga sajak yang terpilih iaitu "Harimau Luka", 'Hantu Menyambut Merdeka' dan 'Milah Anak Maksum' telah dapat melihat seni artistik dalam persembahan puisi Rahman Shaari. Selain itu, teori Stilistik turut dapat membantu menganalisis bahasa dalam karya sajak Rahman Shaari bagi menemukan keunggulan beliau. Ternyata, kajian ini dapat memecahkan persoalan tentang kecenderungan gaya penulisan sajak Rahman Shaari juga.

DAPATAN DAN RUMUSAN

Begitu diperlihatkan kesungguhan Rahman Shaari dalam dunia puisi yang wajar diteladani oleh penulis muda yang bakal menjadi pewaris warisan negara. Kesungguhan beliau dalam menghidupkan puisi serta pemikiran beliau yang dilahirkan melalui ciptaan puisi amat mengagumkan.

Dalam kajian ini, penekanan telah diberikan tentang seni artistik dalam persembahan puisi Rahman Shaari ini dan telah pun mencapai objektifnya. Kajian ini tidak dapat menganalisis kesemua sajak dalam kumpulan puisi 'Anjung Deklamator' kerana ruang yang terhad. Namun, sajak yang terpilih telah pun mempunyai kekuatan dan keindahan yang tersendiri. Dari segi bahasanya pula sajak-sajak ini sesuai dengan teori Stilistik yang turut diimplementasikan dalam kajian ini. Pengkaji mengambil inisiatif untuk memilih sajak yang mempunyai aspek artistik dan nilai yang tersirat agar dapat mencari makna sajak. Dengan demikian, sajak 'Harimau Luka', 'Hantu Menyambut Merdeka' dan 'Milah Anak Maksum' telah pun dikaji.

Ketiga-tiga sajak ini mempunyai makna dan pendekatan yang berbeza iaitu 'Harimau Luka', jika diteliti secara terperinci, sajak ini berunsur naratif yang menceritakan tentang sikap individu yang lupa diri setelah dipelihara dengan baik sehingga

merobek hati orang yang memeliharanya. Sajak kedua iaitu 'Hantu Menyambut Merdeka' juga berunsur naratif yang menceritakan perihal seseorang manusia yang bertopengkan manusia namun perangai sebenar umpama 'hantu' yang mana 'hantu betul-betul' pun tidak seburuk perangai 'hantu separuh'. Kedua-dua sajak ini boleh juga dikaitkan dengan manusia sejagat atau situasi yang berlaku dalam politik, terpulang kepada pembaca untuk memberi makna. Sajak terakhir yang dipilih dalam kajian ini iaitu 'Milah Anak Maksum', jelas menunjukkan sikap anak yang derhaka. Nilai moral dan agama Islam diterapkan dalam sajak ini. Pengarang telah membawa pembaca kepada satu situasi yang berlaku dalam masyarakat yang semakin mengejar keduniaan dan tidak menitik beratkan nilai agama yang mana kita dituntut menghormati ibu dan tidak sesekali menderhaka kepada mereka. Ini kerana seorang anak yang derhaka pasti mendapat balasan api neraka.

Dengan demikian, tidaklah keterlaluan untuk pengkaji menyatakan Rahman Shaari seorang penyair yang versatil. Penulisan sajak beliau lebih cenderung ke arah sinis dan bersifat konfesional. Beliau lebih senang dengan sajak dalam bentuk naratif kerana ia lebih mudah difahami maknanya oleh pembaca. Rahman Shaari seorang penyair yang berkaliber harus diberi perhatian oleh para pengkaji bukan sahaja dari segi penghasilan sajaknya namun dari segi penglibatannya dalam teater. Beliau masih aktif berteater dan terkini beliau turut memegang watak 'Pak Ridhuan' dalam teater 'Sekangkang Kera' arahan Subroto Katimin di Auditorium Intergriti.

Kesimpulannya, kajian ini telah dapat melihat nilai artistik Rahman Shaari dalam seni puisi yang mana kehebatan Rahman Shaari dalam mempersembahkan seni artistik dalam sajak-sajaknya begitu diambil berat bagi memberi nafas baru dalam deklamasi sajak agar dapat membezakan dengan deklamator konvensional. Kajian ini juga menemukan keunggulan beliau dengan setiap ciptaan sajaknya berunsur konfesional. Gaya tersebut sangat sehati dengan jiwa Rahman

Shaari sebagai penyair angkatan moden dan berbeza sekali dengan gaya beliau di awal penglibatan beliau dalam bidang puisi.

RUJUKAN

- A.Halim Ali (2013). *Memahami Puisi Melayu Tradisional*: Tanjung Mali: Penerbit Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- A.Halim Ali (2015). *Wacana Teori Dan Kritikan Sastera*: NHA Excell Resource.
- Dharmawijaya (1987) *Tanggapan dan Kaedah Pengajaran Puisi*: International Book Service.
- Mana Sikana (1987) *Puisi Malaysia*: Penerbit Pan Earth Sdn Bhd.
- Mana Sikana (1998) *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*: Fajar Bakti.
- Mana Sikana (2002) *Koleksi Teori Sastera* : Pustaka Karya.
- M.Atar Semi (1993) *Metode Penelitian Sastera*: Penerbit Angkasa Bandung.
- Pesu Aftarudin (1990) *Pengantar Apresiasi Puisi*: Penerbit Angkasa Bandung.
- Putu Arya Tirtawirya (1997) *Antologi Esai dan Kritik Sastra*: Penerbit Nusa Indah.
- Rahman Shaari (2008) *Anjung Deklamator*: Pekan Ilmu Publication Sdn Bhd.
- Rahman Shaari (2005) *Kemantapan Puisi Melayu Moden*: Satu Tinjauan: Pekan Ilmu Publication.
- Siti Hajar Che Man (2011) *Reviewing The Short Story Anthologies Of Zurinah Hassan: Convention Versus Innovation, 70-84*.
- Shannon Ahmad (1993) *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*: Dewan Bahasa dan Pustaka.